

Nama :

Kelas :

Tarikh :

### Latihan Sistem Bahasa

#### Soalan 1 – 3

Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.



- 1 Datuk menggunakan khidmat \_\_\_\_\_beruk untuk memetik kelapa di kebunnya.  
A sekumpulan  
B sebatang  
C seorang  
D seekor
  
- 2 Ibu Pooja telah menyediakan \_\_\_\_\_jenis kuih sempena perayaan Deepavali.  
A pelbagai  
B beberapa  
C setiap  
D bekas
  
- 3 Encik Ah Tong memasukkan surat khabar \_\_\_\_\_ke dalam lori utuk dihantar ke Pusat Kitar Semula.  
A usang  
B lama  
C buruk  
D antik

#### Soalan 4 – 5

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 4 Pekerja yang mempunyai adab yang cemerlang berpeluang untuk diberikan imbuhan tahunan dan  
kenaikan pangkat. Tiada Kesalahan.  
A B  
C D

- 5 Keadaan lalu lintas di bandar utama itu menjadi riuh-rendah pada pagi ini kerana lampu isyaratnya tidak berfungsi. Tiada kesalahan.
- A B C  
D

### Soalan 6

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

- 6 I Badan Aisyah hancur setelah dia digilis oleh lori dalam kemalangan itu.  
II Cermin di dalam bilik Ramzi hancur apabila terhempas ke lantai.  
III Beras yang hancur itu sesuai untuk dimasak bubur.  
IV Tapak kakinya hancur apabila terpijak serpihan kaca.
- A I dan II sahaja  
B I,II dan III sahaja  
C II,III dan IV sahaja  
D I,II,III dan IV

### Soalan 7-8

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan Bahasa dan mungkin tidak. Tandakan A, B C dan jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 7 Tidak ada orang yang sanggup membunuh kanak-kanak dan wanita sekejap itu melainkan orang yang tidak mempunyai budi pekerti.
- A mempunyai hasad dengki  
B tidak mempunyai hati yang baik  
C tidak mempunyai perikemanusiaan  
D tidak mempunyai budi pekerti
- 8 Semua penumpang yang berada di dalam gerabak kereta api yang tergelincir daripada landasan terselamat.
- A kontena kereta api yang tergelincir  
B gerabak kereta api yang tersangkut  
C gerabak kereta api yang terbabas  
D gerabak kereta api yang tergelincir

### Soalan 9 -10

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 **Semua rumah usang yang dibiarkan kosong itu akan dirobohkan oleh pihak berkuasa tempatan.**
- A Rumah-rumah usang yang terbiar kosong itu kan dirobohkan oleh pihak berkuasa tempatan dalam masa terdekat.  
B Pihak berkuasa tempatan akan merobohkan semua rumah usang yang dibiarkan kosong itu.

- C Setiap rumah kosong yang dibiarkan usang selama ini akan dirobohkan oleh pihak berkuasa tempatan.
- D Pihak berkuasa tempatan akan menyegerakan operasi meroboh rumah usang yang dibiarkan kosong.

10 **Kerja-kerja melebarkan jalan itu mengambil masa selama enam bulan untuk siap sepenuhnya.**

- A Tempoh yang diperlukan hanya enam bulan untuk menyiapkan sepenuhnya kerja-kerja melebarkan jalan itu.
- B Dalam tempoh enam bulan akan datang, projek melebarkan jalan itu akan disiapkan sepenuhnya oleh kontraktor yang dilantik.
- C Kerja-kerja melebarkan jalan ini akan disiapkan secara berperingkat dalam tempoh enam bulan lagi.
- D Masa yang diperlukan bagi menyiapkan sepenuhnya kerja-kerja melebarkan jalan itu ialah enam bulan.

### Soalan 11-12

*Pilih ayat-ayat yang betul.*

- 11
- I Alat penghawa dingin di dalam makmal itu telah rosak.
  - II Anak ayam itu telah disambar oleh helang di tengah hari semalam.
  - III Kebun pisang ayah saya dirosakkan oleh beberapa ekor gajah liar.
  - IV Khatijah mendapat hadiah sehelai telekung mini berwarna merah jambu.
- A I dan II sahaja
  - B II dan III sahaja
  - C III dan IV sahaja
  - D I,II,III dan IV
- 12
- I Komputer itu dibeli oleh kakak untuk kegunaan saya di kolej.
  - II Bunga telur itu dibuat sendiri oleh Nurhaliza untuk majlis perkahwinannya.
  - III Kuih bahulu yang sedap itu diperbuat oleh ibu Siti sempena hari lahirnya semalam.
  - IV Setelah lulus ujian memandu, Mei Liang menghadiahkan sebuah kereta Proton oleh ibunya.
- A I dan II sahaja
  - B I dan III sahaja
  - C I,II dan III sahaja
  - D I,II,III dan IV

### Soalan 13 – 16

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 13 Amalan menabung hendaklah dididik sejak kecil lagi. Bak kata pepatah
- A melentur biarlah dari rebungunya
  - B di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.
  - C sehari selembat benang, lama-lama menjadi kain.
  - D genggam bara api biar sampai mejadi arang.
- 14 Iskandar merasakan seperti \_\_\_\_\_ kerana adiknya yang degil itu langsung tidak menghiraukan nasihat yang diberikanya.
- A mencurahkan air ke daun keladi
  - B cendawan tumbuh selepas hujan
  - C mendapat durian runtuh
  - D ular kena palu
- 15 Murid perlu memberi tumpuan dan perhatian sewaktu guru sedang mengajar dan mestilah rajin bertanya soalan seandainya tidak faham tentang sesuatu pelajaran kerana
- A cendawan tumbuh selepas hujan.
  - B bagai kera mendapat bunga.
  - C bagai aur dengan tebing.
  - D malu bertanya sesat jalan, malu berdayung perahu hanyut.
- 16 Peribahasa yang berikut membawa maksud musuh yang ada dalam kalangan sesuatu kumpulan tanpa disedari, **kecuali**
- A duri dalam daging.
  - B bagai api dalam sekam.
  - C bagai musuh dalam selimut.
  - D bagai gunting dalam lipatan.

**Soalan 17 – 20**

*Jawab soalan-soalan berdasarkan petikan syair di bawah.*

**SYAIR POHON BULUH**

Menara tinggi banyak bertingkat,  
Di sana tiada bilik bersekat,  
Tiada bertangga naik melekat,  
Mata-mata menjaga segenap pangkat.

Yang ada sedia panji-panji bendera,  
Hingga sampai ke kemuncak menara,  
Banyak ada ia bersaudara,  
Yang ada pula bersama gara.

Selalu dipandang dilihat adanya,  
Tinggi rendah dijerat pangkatnya,  
Besar kecil ikat binanya,  
Terlalu kuat pula asasnya.

Ikatnya licin di luar di dalam,  
Gelapnya di dalam seperti malam,  
Air tak *tiris* seperti kolam,  
Ikat tingkatnya tak nampak alam.

(Dipetik daripada Syair Pohon Buluh,  
antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1,  
Kementerian Pendidikan Malaysia)

- 17 Apakah maksud perkataan *tiris* dalam syair di atas ?
- A Cetek
  - B Bocor
  - C Titis
  - D Jatuh
- 18 Apakah maksud rangkap ketiga syair di atas?
- A Pihak berkuasa menjalankan tugas dengan adil dan saksama tanpa mengira pangkat dan darjat
  - B Golongan tua dan muda bergandingan dan Bersama-sama dalam memperkukuhkan perpaduan masyarakat
  - C Kehidupan mereka yang bersaudara dan orang kaya yang sedia menghulurkan bantuan kepada orang lain
  - D Setiap anggota masyarakat bertanggungjawab menjaga imej dan keamanan daripada gangguan pihak luar

- 19 Gaya Bahasa simile yang terdapat dalam syair di atas ialah
- A tinggi rendah dijerat pangkatnya.
  - B hingga sampai ke kemuncak menara.
  - C gelapnya di dalam seperti malam.
  - D di sana tiada bilik tersekat.
- 20 Pada pendapat anda, apakah kelebihan sesebuah masyarakat mengamalkan nilai hidup bermasyarakat ?
- A Masyarakat hidup dengan aman dan damai.
  - B Masyarakat dapat menikmati pembangunan dan kemajuan.
  - C Masyarakat dapat melahirkan semangat patriotik yang teguh.
  - D Masyarakat dapat melahirkan insan yang berguna terhadap negara.